

Dalam bahagian terakhir ini kita akan bawa para pembaca sekalian meninjau negara Iran dari segi ekonomi, pembangunan-pembangunan negara dan kemajuan pelajaran.

Iran sebagai sebuah negara yang mengeluarkan hasil minyak sudah tentu mempunyai ekonomi yang teguh di dalam dan di luar negeri, sebagai sebuah negara yang maju di Timur Tengah Iran juga merupakan negara Islam yang luas di lapangan pembangunan dan pelajaran. Ikutilah sejarah Iran selanjutnya! – Pengarang.

**Bahan-bahan galian:** Minyak ialah bahan galian yang paling penting bagi Iran. Bahan-bahan galian yang lain yang didapati ialah: Celak, tuba tikus, *bauxite*, *chromite*, arang batu, (pengeluaran tahunan<sup>1</sup> 100,000 hingga 150,000 tan untuk kegunaan negeri itu), *cobalt*, tembaga merah, *graphite*, *iron oxide*, *kaolin*, timah hitam, *magnesium*, *manganese*, *quartz*, garam, silika, belerang, timah, *tungsten*, *turquoise*, dan timah sari. Kekayaan bumi Iran belum diselidiki betul-betul. Ada peruntukan dalam rancangan pembagunan bagi memperluaskan usaha menghasilkan kekayaan bumi negeri itu.

**Kekayaan minyak:** Minyak telah dijumpai dengan cukup banyak untuk diperdagangkan dalam tahun 1908, dan dalam tahun 1909 Syarikat British-Parsi telah ditubuhkan, dan pada tahun 1935 ditukarkan namanya kepada Syarikat British-Iran dan pada tahun 1954 ditukarkan

sekali lagi menjadi Syarikat British Petroleum. Suatu pertikaian yang berlanjutan telah berlaku di antara kerajaan Iran dengan Syarikat British-Iran, yang mana telah berkesudahan dengan pengambilan alih kerajaan perusahaan minyak dalam tahun 1951 dan Syarikat British-Iran digantikan dengan apa yang biasanya dikenal dengan nama konsortium. Konsortium ialah gabungan dari beberapa buah syarikat, British Petroleum 40%, Royal Dutch Shell 14%, dan ditubuhkan untuk mengeluarkan minyak dalam kawasan di mana dahulunya Syarikat British-Iran mendapat kebenaran untuk mencari minyak. Penghasilan berasaskan syarat sama banyak bahagian dan kebenaran mencari minyak itu akan berakhir pada tahun 1979. Kepunyaan minyak yang ada di bumi Iran seluruhnya dan hak memperhasilkannya di luar kawasan di mana konsortium berhak mencari minyak adalah terletak pada Syarikat Minyak Kebangsaan Iran, yaitu

suatu syarikat yang diselenggarakan oleh kerajaan. Hasil yang didapati oleh Iran daripada konsortium dalam tahun 1961 ialah £104 juta. Satu punca lagi wang asing ialah pembelian *Royal* oleh konsortium untuk perbelanjaan di Iran. Dalam tahun 1961 ini berjumlah £35.35 juta.

Syarikat Minyak Kebangsaan Iran telah membuka lapangan minyak; satu daripadanya di Nafti Shah berhampiran dengan sempadan Iraq dan mengeluarkan 2.9 juta tong dalam tahun 1961. Yang satu lagi, di Alborz kira-kira 85 batu ke selatan Tehran, ialah suatu lapangan minyak baharu yang dibuka dalam tahun 1961 dan memberi harapan yang baik. Syarikat Minyak Kebangsaan Iran telah membuat perjanjian dengan beberapa syarikat asing.

Perkara-perkara yang penting dalam perjanjian-perjanjian itu ialah kemilikan – sama – banyak dan pembahagian belanja penyelenggaraan dengan jangka waktu hak

<sup>1</sup> Perkataan sebenarnya adalah tahunan.

## Sejarah Iran . . .

mencari minyak yang terhad dan kenyataan perbelanjaan yang tegas dalam usaha mencari minyak. Keuntungan dibahagi sama rata tetapi sebenarnya 75% pergi ke Iran kerana bahagian syarikat-syarikat asing itu dikenakan cukai oleh Iran sebanyak 50%. Jumlah pengeluaran minyak dalam tahun 1962 ialah 65.3 juta tan. Minyak yang telah dibuktikan ada di bumi Iran dalam tahun 1962 ialah 5.007 juta tan, yaitu 11.3 peratus daripada minyak yang ada di bumi seluruh dunia. Iran ialah negara yang ketiga paling banyak mengeluarkan minyak di Timur Tengah dan negara keenam paling banyak di dalam dunia.

**Perusahaan:** Perusahaan minyaklah yang besar sekali di Iran. Kilang penapis minyak di Abadan ialah yang paling besar di dunia. Iran mendapat faedah besar daripada memperhasikan dengan lebih giat gas semulajadi. Kilang penapis minyak di Abadan sekarang dijalankan jenteranya oleh gas semulajadi, yang ditaksir sebanyak 1,000 juta kaki padu, dibawa dari Aghajari.

Dalam tahun 1958 banyak himpunan-himpunan gas semulajadi telah dijumpai di Sarjah dan sebatang paip gas 20 inci besar sedang dibina untuk membawa gas itu ke Tehran, 100 baru dari situ.


Ini akan membolehkan penggantian minyak dengan gas di daerah Tehran.

Perusahaan yang kedua paling besar ialah perusahaan menenun kain.

Isfahan ialah daerah yang banyak sekali mengeluarkan kapas dan itulah pusat pengeluaran kain daripada kapas; yang kedua ialah Shahi di Mazandiran<sup>2</sup> dan Behshahr di Gorgan. Ia menerima bekalan bulu kambing daripada kaum pengembaraan di kawasan itu. Tabriz Azerbaijan, adalah juga pusat

pengeluaran kain bulu kambing yang penting. Rami dan sutera pun dikeluarkan di Mazandiran<sup>3</sup>. Perusahaan permaidani yang mahsyur itu masih merupakan perusahaan tangan. Sejak tempoh Reza Shah dahulu, perindustrian telah berkembang, dengan kerajaan mengambil peranan penting.

Selain daripada menyelenggarakan



Bangunan Universiti Tehran – Iran. Gambar diambil dari sebelah luar. (Gambar Edrus Qalam).

<sup>2</sup> Perkataan sebenarnya adalah Mazandaran.

<sup>3</sup> Ibid.

## Sejarah Iran . . .

beberapa buah kilang kapas, beberapa buah kilang kain daripada kapas dan bulu kambing, kilang-kilang kain sutera, kempit permaidani, benang dan tali, kerajaan telah juga membina dua kilang simen yang boleh mengeluarkan lebih daripada 300,000 tan setahun.

Kerajaan juga menyelenggarakan sebuah kilang tembaga dan kilang-kilang membuat hidroklorik, asid dan lain-lain barang kimia. Ada kilang-kilang membuat minyak daripada sayur untuk dimakan dan dibuat sabun.

Di beberapa pusat pertanian, kerajaan menyelenggarakan kilang-kilang mengetin daging, ikan, buah, dan lain-lainnya dan kerajaan telah membina dua kilang memilih

dan membungkus buah yang dikeringkan. Di daerah Caspian kerajaan menyelenggarakan dua dozen kilang timah. Ia juga menyelenggarakan perusahaan tembakau yang sangat menguntungkan dan rokok-rokok yang dikeluarkannya adalah untuk rakyat dan juga dieksporthkan. Ada juga sedozen kilang gula yang besar yang dimiliki oleh kerajaan, kebanyakan daripadanya memproses ubi gula. Jabatan keretapi kerajaan mempunyai sebuah kilang yang membuat kepingan-kepingan kayu untuk landasan keretapi.

Berikutan dengan kegiatan-kegiatan kerajaan, maka ramai orang-orang persendirian telah menubuhkan perusahaan-perusahaan, kecil dan besar. Sungguhpun dasar kerajaan ialah memperluas perusahaan di seluruh negeri, dengan menggunakan bahan-bahan mentah tempatan, pengeluaran yang besar telah berlaku di daerah Tehran. Di antara 4,430 buah kilang di Iran dalam tahun 1960, hampir separuh bertempat di Tehran. Perkembangan perusahaan di Iran masih merupakan kilang-kilang pengeluaran yang kecil cuma 29 kilang yang menggaji lebih daripada 500 orang dalam tahun 1960.

**Perhubungan:** Ada 15,000 batu jalan-jalan raya dan lebih daripada 100,000 kereta di Iran. *Trains Iranian Railway* yang mempunyai landasan keretapi daripada utara ke selatan sejauh 900 batu sekarang telah disambungkan ke daerah-daerah lain. Dalam tahun 1957 dan 1958, dua landasan keretapi yang penting telah dibina, satu daripadanya (400 batu



Bangunan Maktab Perguruan Tinggi di Tehran-Iran. Gambar diambil dari sebelah dalam. (Gambar Edrus Qalam).

ialah dari Tehran ke Tabriz, yang satu lagi dari ibu kota Mashhad, kira-kira 560 batu. Suatu jalan keretapi baharu sedang dibina yang akan menghubungkan Isfahan dan ke selatan hingga ke Shiraz.

Di bawah naungan CENTO, jalan-jalan keretapi sedang dibina untuk menghubungi rangkaian di Iran dengan rangkaian di Eropah dengan membina landasan keretaapi dari Sharaf khaneh di Iran Barat ke Turki Timur dan dengan rangkaian di Asia Selatan dengan membina landasan dari Yazd ke Zahedan.

Selain daripada itu, pembinaan dua batang jalan sedang dirancangan untuk menghubungkan Iran dengan Pakistan, satu dari Kerman ke Quetta dan satu lagi dari Bandar Abbas ke Karachi melalui Makran.

Adalah pelabuhan laut di Khoranshahr, Bandar Shahpur, Bushehr dan Bandar Abbas di Teluk Parsi dan Bandar Pahlavi di Laut Caspian yang sedang dibesarkan. Abadan ialah pelabuhan minyak yang besar.

Ada lapangan terbang antarabangsa di Tehran dan Abadan. Dan lapangan terbang kecil di Isfahan, Shiraz, Yazd, Kermanshah dan lain-lain tempat lagi. *National Airways Iran* mengadakan perkhidmatan udara dalam negeri itu.

**Kuasa letrik:** Dahulu, kuasa letrik diperolehi daripada wap, tetapi sekarang Iran telah mula mendapatkan kuasa letrik daripada air. Empangan Dez yang siap dibina dalam tahun 1963 boleh mengeluarkan 520,000 kilowatt: Empangan Karaj boleh mengeluarkan 120,000 kilowatt. Empangan Sefidrud boleh mengeluarkan 64,000 kilowatt. Banyak lagi empangan-empangan kecil akan dibina.

**Perdagangan luar:** Eksport dalam tahun 1960-61, tidak termasuk minyak, ialah 7,872 juta riyal. Eksport penting ialah kapas 1,928 juta; buah-buahan 1,210 juta; permaidani 1,930 juta; kain daripada bulu binatang 455 juta; kulit bersamak dan tidak bersamak 477 juta; bahan galian 256 juta; biji minyak 42 juta; beras 9 juta. Import dalam tahun itu ialah 41,706 juta. Import penting ialah kereta, besi dan besi waja (dalam bentuk asalnya dan sudah dibuat barang), jentera, alat-alat letrik, gula dan teh.

**Kewangan:** Mata wangnya ialah riyal dibahagi kepada 100 dinar. Harga penukaran: £1 = 210 hingga 214.2 riyal; \$1 = 75 riyal hingga 76.5 riyal. Hasil dalam belanjawan bagi tahun 1962-63 ialah 86,573 juta riyal. Perbelanjaan ialah 88,783 juta riyal.

**Rancangan pembangunan:** Pada akhir Perang Dunia yang Kedua, Iran memutuskan untuk melancarkan rancangan pembangunan

ang tersusun. Dalam rancangan tujuh tahun yang pertama yang bermula pada tahun 1949, sejumlah £160 akan dibelanjakan. Oleh kerana keuntungan daripada minyak tidak didapati disebabkan oleh pertikaian yang terbit daripada pengambilan alih oleh kerajaan, rancangan itu gagal dengan £50 juta sahaja dibelanjakan.

Rancangan tujuh tahun yang kedua telah dilancarkan dalam tahun 1956 dan dijangka £400 juta akan dibelanjakan. Rancangan tujuh tahun ketiga, yang akan memakan belanja £1,650 juta, dijadualkan akan bermula daripada bulan September 1962 dan berakhir dalam bulan Mac 1968. 55% akan dibelanjakan dalam bidang awam dan 45% dalam bidang persendirian. 25% daripada jumlah itu akan ditumpukan pada perkhidmatan kemasyarakatan dan kira-kira 22% pada perusahaan, perhubungan dan pertanian. 60% daripada rancang usaha- rancang usaha yang dicadangkan adalah untuk perkhidmatan kemasyarakatan dan pertanian sedangkan yang lainnya merupakan rancang usaha- rancang usaha yang baik tetapi boleh dibatalkan kalau kekurangan wang.

Yang demikian pertanian telah diakui sebagai pekerjaan yang paling penting bagi rakyat negeri itu. Sebenarnya sungguhpun pada masa yang lampau pertanian tidak diberi perhatian yang sewajarnya, namun ia telah mencapai kemajuan yang amat pesat dalam beberapa tahun; kawasan-kawasan pertanian telah bertambah luas dan pengeluaran pertanian telah bertambah dua kali

ganda di antara tahun 1946 dengan tahun 1957, hasil dari sistem memperairkan tanah yang lebih sempurna dan penggunaan jentera-jentera.

### Kemajuan pelajaran

Pelajaran boleh dikatakan diberikan dengan percuma di semua peringkat dan bilangan murid-murid dari golongan pekerja yang bersekolah telah bertambah; demikian juga kebanyakan daripada orang-orang dari golongan pertengahan telah menghantar anak-anaknya ke sekolah. Menyedari keperluan mengubah dan memordenkan<sup>4</sup> sistem pelajaran Iran, kerajaan telah menetapkan suatu jangka waktu dua puluh lima tahun untuk melaksanakan rancangan kemajuan yang mana apabila berakhir nanti taraf pelajaran di negeri itu akan sama tinggi dengan taraf pelajaran di negeri-negeri lain yang berkemajuan.

Dalam tahun 1943 kerajaan meluluskan undang-undang bagi mewajibkan pelajaran yang diberikan dengan percuma selama sepuluh tahun bagi budak-budak lelaki dan perempuan. Tujuan jangka panjangnya ialah supaya sekalian budak-budak di negeri itu bersekolah dan mendapat pelajaran. Apabila rancangan pembangunan yang ketiga berakhir dalam tahun 1968, sekurang-kurangnya 60% daripada budak-budak yang berumur 7 hingga 13 tahun, yang berjumlah 2,250,000 orang itu, akan bersekolah.

Pelajaran menengah tidak diwajibkan tetapi kebanyakan sekolah-sekolah tidak mengenakan bayaran atau mengenakan bayaran yang rendah sahaja. Dalam tahun 1960, 255,000 murid-murid belajar di sekolah menengah dan dicadangkan hendak menambah bilangan itu menjadi 400,000 menjelang tahun 1968.

Pelajaran teknikal telah mendapat perhatian yang lebih berat dalam beberapa tahun ini. Dalam tahun 1960 Iran mempunyai 67 buah sekolah teknikal. Di peringkat menengah, terdapat 13 buah sekolah pertanian dan juga sekolah *art*. Di peringkat lebih tinggi ada sebuah politeknik di Tehran yang memberikan kursus empat tahun dalam berbagai-bagai lapangan kepada mereka yang lulus dalam kursus ilmu hisab di sekolah-sekolah menengah.

Beberapa buah maktab telah dibuka di Tehran dan diselenggarakan bersendirian hingga tahun 1934 manakala maktab-maktab itu disatukan menjadi Universiti Tehran. Terdapat juga maktab-maktab di Isfahan, Mashhad, Shiraz dan Tabriz. Honer Galataysarai Ali memberikan pelajaran tinggi dalam lapangan kejuruteraan. Dalam tahun 1955-56 maktab-maktab pertanian telah dibuka di Shiraz, Ahwaz dan Tabriz dan maktab-maktab sastera di Mashhad dan Shiraz. Universiti Ahwaz telah dibuka dalam tahun 1957. Jumlah mahasiswa-mahasiswa universiti dalam tahun 1958-59 ialah 14,439.

Usaha-usaha yang bersungguh-sungguh telah dijalankan untuk membasmi buta huruf sejak tahun 1936. Kelas-kelas malam dan sekolah-sekolah sambilan telah dibuka, khususnya di daerah-daerah luar bandar. Untuk melaksanakan rancangan pelajaran yang terwajib, dalam tahun 1955-56 kelas malam telah dibuka dan dihadiri oleh 16,385 orang. Angkatan bersenjata, dengan bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran, memberi pelajaran kepada kira-kira 80,000 setahun. Dalam tahun 1962, 442,000 orang, lelaki dan perempuan, menghadiri kelas-kelas membasmi buta huruf. Tujuannya ialah hendak mengurangkan jumlah orang-orang yang buta huruf daripada 85% kepada 50% menjelang tahun 1968. Ini bermakna bahawa 4 juta orang dewasa terpaksa diajar menulis dan membaca di antara tahun 1962 hingga tahun 1968.

Tamat.

### Peringatan:

Sejarah ini disedut dari buku: "World Muslim Gazatter" yang diterbitkan oleh "Umma Publishing House" Karachi – Pakistan bagi pihak *Mu'tamar al-'Ālam al-Islāmī*.

### Kata-kata hikmah

Kecantikan seseorang wanita itu menjadi satu kesialan ke atas seorang lelaki yang terpengaruh dengannya. (Pepatah Inggeris).

\* \* \*

Kebijaksanaan yang sebenarnya ialah mengambil sesuatu keputusan yang tegas dan tetap.

(Napoleon).

<sup>4</sup> Perkataan sebenarnya adalah *memodernkan*.